

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



AIA Bhd.

200701032867 (790895-D)

Date: dd/mm/yyyy

Pelanggan Yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans berkaitan perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/product yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah is A-Life Essential Critical Care?

A-Life Essential Critical Care ialah pelan tanpa penyertaan yang menyediakan perlindungan untuk 75 Penyakit Kritikal Peringkat Lanjutan sehingga umur Insured 70 tahun. Pelan ini termasuk Manfaat Belas Kasihan. Selain itu, jika Jumlah Diinsuranskan Asas anda ialah RM100,000 dan ke atas, anda juga akan mendapat akses kepada perkhidmatan Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM), perkhidmatan nilai tambah yang menawarkan bimbingan dan sokongan berterusan daripada diagnosis hingga pemulihan, untuk memastikan anda menerima diagnosis yang betul dan pelan rawatan yang paling sesuai semasa keadaan perubatan yang serius.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM4,685.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan berikut:	
Manfaat Penyakit Kritikal	RM500,000 ("Jumlah Diinsuranskan Asas") Sekiranya Insured didiagnosis dengan salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi, Jumlah Diinsuranskan Asas atau Nilai Tunai pelan asas akan dibayar. Nota: Bayaran untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari adalah terhad kepada 10% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas, tertakluk kepada maksimum RM25,000. Pembayaran ini akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan Asas. Selepas itu, premium yang perlu dibayar, Nilai Tunai dan Manfaat Belas Kasihan akan diselaraskan berdasarkan pengurangan Jumlah Diinsuranskan Asas.
Manfaat Belas Kasihan (apabila berlaku kematian)	Sekiranya berlaku kematian Insured, berikut akan dibayar: - Jika 100% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas telah dibayar bagi Manfaat Penyakit Kritikal: RM50,000; - Jika 100% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas belum dibayar bagi Manfaat Penyakit Kritikal: RM50,000 atau nilai tunai pelan asas, yang mana lebih tinggi, akan dibayar sekaligus.
Manfaat Gabungan AIA Vitality (terpakai jika Insured ialah Ahli AIA Vitality)	Manfaat Pemeriksaan Kesihatan Sehingga RM600 bergantung pada status AIA Vitality akan tersedia atas dasar pembayaran balik selepas ulang tahun polisi pertama dan setiap dua tahun polisi selepas itu. Bonus Tunai Tahunan Sehingga 20% daripada jumlah premium dibayar bergantung pada Status AIA Vitality.
Perlindungan Tambahan	Anda boleh memilih untuk meningkatkan perlindungan anda dengan memilih rider tambahan (jika berkenaan). Sila rujuk kepada PDS yang berkaitan untuk maklumat lanjut mengenai rider terpilih.
Penyakit kritikal yang <u>dilindungi</u> di bawah rider ini termasuk: - Kanser - Strok - Serangan jantung Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila baca kontrak polisi anda untuk mendapatkan butiran tentang penyakit kritikal yang dilindungi.	
Perkhidmatan Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM) Jika Jumlah Diinsuranskan Asas ialah RM100,000 dan ke atas, anda juga akan mendapat akses kepada perkhidmatan Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM), iaitu perkhidmatan nilai tambah yang ditadbir oleh pembekal perkhidmatan kami. Ia menawarkan maklumat yang komprehensif, perundingan perubatan jarak jauh tambahan dan pendapat tambahan daripada Pakar Perubatan dan Doktor Pakar, bimbingan, bantuan dalam mencapai diagnosis dan sokongan tepat dalam proses menentukan rawatan perubatan yang terbaik, dan menyelaraskan rawatan perubatan yang berkualiti oleh pakar perubatan terkemuka dari pusat perubatan yang terkemuka.	

Insurans perubatan dan kesihatan anda tidak termasuk :	
a)	Kematian akibat bunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
b)	Keadaan Sedia Ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
c)	Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Penyakit Arteri Koronari yang Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari yang ditakrifkan di bawah Peringkat Lanjutan, yang mana tanda atau gejala pertama kali berlaku dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
d)	Semua penyakit kritikal lain ditakrifkan di bawah Peringkat Lanjutan yang tanda atau gejala pertama kali berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
e)	Penyakit kritikal yang didiagnosis dalam kehadiran sebarang Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau jangkitan oleh sebarang Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami mungkin memerlukan Insured untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebelum kami boleh meluluskan sebarang tuntutan;
f)	Penyakit kritikal yang didiagnosis secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kecacatan kongenital atau penyakit yang telah nyata atau didiagnosis sebelum umur tujuh belas (17) tahun; dan
g)	Penyakit kritikal jika Insured tidak hidup untuk sekurang-kurangnya lima belas (15) hari selepas didiagnosiskan penyakit kritikal.

Perkhidmatan PMCM **tidak termasuk** :

- a) Kecemasan perubatan;
- b) Kemalangan;
- c) Situasi mendesak atau mengancam nyawa, seperti kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU);
- d) Isu harian atau biasa, seperti selsema, selesema, demam, ruam sekali-sekala dan lain-lain;
- e) Pengurusan penyakit kronik jangka panjang seperti hepatitis kronik, kencing manis, tekanan darah tinggi, kolesterol tinggi dan lain-lain (namun, sebarang komplikasi penyakit kronik hendaklah dilindungi); dan
- f) Keadaan kesihatan mental seperti anoreksia/bulimia, gangguan tidur berkaitan kesihatan mental, kebimbangan, kemurungan dan lain-lain.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:

<https://www.aia.com.my/bm/our-products/health-protection/critical-illness-protection/a-life-essential-critical-care.html>



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans perubatan dan kesihatan anda, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium	RM4,685.00 tahunan
---------	--------------------

Tempoh: Sehingga umur 70 tahun.

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

Komisen	4.28% daripada jumlah premium perlu bayar atau RM8,011.35
---------	---

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan.
- Jumlah premium yang anda perlu bayar dan terma polisi mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan AIA Bhd.
- Tempoh Ihsan – Anda diberi tempoh ihsan tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir pembayaran bagi setiap premium berikutnya. Jika premium kekal tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan, polisi anda akan luput melainkan polisi anda telah memperoleh nilai tunai.
- Cukai Kerajaan Yang Berkenaan - Premium yang dibayar oleh organisasi adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.
- Pertukaran pelan – Mungkin tidak berfaedah untuk beralih dari satu pelan insurans ke yang lain, kerana anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baru dan tempoh menunggu untuk polisi baru.
- Tuntutan – Sila rujuk kepada web AIA Bhd. untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.
- A-Life Essential Critical Care dan rider yang boleh dilampirkan (jika ada) bukan produk yang patuhi Syariah.
- Premium pelan ini tidak dijamin. AIA Bhd. berhak untuk menyemak semula premium dengan memberi anda notis bertulis tiga (3) bulan sebelum Ulang Tahun Polisi seterusnya.
- **Tempoh Perlindungan:** Sehingga umur Insured 70 tahun.
- Membeli polisi insurans hayat adalah komitmen kewangan jangka panjang. Anda mesti memilih jenis polisi yang paling sesuai dengan keperluan anda. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan Perancang Hayat AIA anda atau menghubungi AIA Bhd. secara terus untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mesti rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.

? Bolehkah saya membatalkan pelan saya?

Ya, anda boleh membatalkan pelan anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Notis tersebut mesti diterima terus oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang yuran perubatan yang ditanggung) untuk polisi ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda telah memilih untuk menerima salinan cetak kontrak polisi anda, notis tersebut mesti diberikan dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- **Selepas Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Nilai tunai (jika ada), ditolak sebarang keterhutangan, akan dibayar.



LAMPIRAN

PENERANGAN PELAN ASAS:

A-Life Essential Critical Care (ALECC)

- ALECC ialah pelan tanpa penyertaan yang menyediakan perlindungan untuk 75 Penyakit Kritikal Peringkat Lanjutan sehingga umur Insured 70 tahun. Pelan ini termasuk Manfaat Belas Kasihan. Selain itu, jika Jumlah Diinsuranskan Asas anda ialah RM100,000 dan ke atas, anda juga akan mendapat akses kepada perkhidmatan Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM), perkhidmatan nilai tambah yang menawarkan bimbingan dan sokongan berterusan daripada diagnosis hingga pemulihan, untuk memastikan anda menerima diagnosis yang betul dan pelan rawatan yang paling sesuai semasa keadaan perubatan yang serius.

Manfaat Penyakit Kritikal

- Sekiranya Insured didiagnosis dengan salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi atau menjalani pembedahan yang dilindungi (kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari), 100% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas atau Nilai Tunai untuk pelan asas, yang mana lebih tinggi, akan dibayar.
- Sekiranya berlaku Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, 10% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas akan dibayar, tertakluk kepada maksimum RM25,000 (terhad kepada satu (1) bayaran sahaja). Pembayaran ini akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan Asas. Selepas itu, premium yang perlu dibayar, Manfaat Belas Kasihan dan Nilai Tunai akan diselaraskan berdasarkan Jumlah Diinsuranskan Asas yang dikurangkan.
- Setelah 100% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas telah dibayar, manfaat ini akan ditamatkan. Polisi akan berterus berkuatkuasa selepas itu tanpa premium masa depan untuk melindungi Manfaat Belas Kasihan dan Perkhidmatan Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM) (jika ada) akan terus berkuatkuasa selama satu (1) tahun dan Nilai Tunai dan Manfaat Pemeriksaan Kesihatan (jika ada) tidak akan terpakai lagi.
- Senarai penyakit kritikal yang dilindungi di bawah ALECC adalah seperti berikut:

Penyakit Kritikal Peringkat Lanjutan	
1) Strok / Angin Ahmar	39) Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
2) Kanser	40) Sindrom Apallie
3) Serangan Jantung	41) Pankreatitis Berulang Kronik
4) Pembedahan Pintas Arteri Koronari	42) Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)
5) Penyakit Arteri Koronari Serius	43) Elephantiasis
6) Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	44) Poliomyelitis
7) Pembedahan Injap Jantung	45) Scleroderma Progresif
8) Hepatitis Viral Fulminan	46) Sindrom Eisenmenger Serius
9) Kegagalan Hati Tahap Akhir	47) Endokarditis Infektif
10) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	48) Arthritis Reumatoid Kronik
11) Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	49) Kolitis Ulseratif dengan Colectomy Keseluruhan
12) Kegagalan Buah Pinggang	50) Myasthenia Gravis
13) Pembedahan Aorta	51) Atrofi Otot Progresif
14) Anemia Aplastik Kronik	52) Supranuklear Palsy Progresif
15) Transplan Organ Utama/ Sumsum Tulang	53) Kekurangan Adrenal Kronik
16) Buta - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	54) Osteogenesis Imperfecta
17) Pekak - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	55) Meningitis Tuberkulosis
18) Hilang Keupayaan Bertutur	56) Pembedahan Scoliosis Idiopatik
19) Koma	57) Metastasis Serebral
20) Kelecuran Tahap Ketiga	58) Demam Hemoragik Ebola
21) Sklerosis Multipel	59) Pheochromocytoma memerlukan pembedahan
22) Kelumpuhan Anggota	60) Sindrom Nefrotik Berulang Serius
23) Distrofi Otot	61) Penyakit Wilson
24) Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	62) Sindrom Uremik Haemolitik
25) Penyakit Neuron Motor	63) Nasotising Fasciitis
26) Penyakit Parkinson	64) Difteria Respiratori memerlukan ventilasi mekanikal
27) Penyakit Terminal (Membawa Maut)	65) Kehilangan Anggota/ Anggota-anggota Badan
28) Ensefalitis	66) Rawatan Rapi - memerlukan ventilasi mekanikal selama 10 hari
29) Tumor Otak Benign	67) Aneurisme Serebrum memerlukan Pembedahan Otak
30) Trauma Kepala Major (Teruk)	68) Hepatitis Autoimun Kronik
31) Meningitis Bakteria	69) Avulsi Akar pada Plexus Brachial Multipel
32) Pembedahan Otak	70) Demam Reumatik dengan Gangguan Injap Jantung
33) Penyakit Sistik Medular	71) Pembahagian Semula Seluruh Usus Kecil (duodenum, jejunum dan ilium)
34) Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	72) Penyakit Crohn Kronik Serius
35) Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah	73) Fibrosis Pulmonari yang Serius
36) Kardiomiopati	74) Rabies
37) AIDS dengan Gejala Penuh	75) Tetanus Umum
38) Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti melalui Pekerjaan	

Manfaat Belas Kasihan

- Sekiranya berlaku kematian Insured, berikut akan dibayar sekaligus:
 - (i) Jika 100% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas telah dibayar bagi Manfaat Penyakit Kritikal: 10% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas; atau
 - (ii) Jika 100% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas belum dibayar bagi Manfaat Penyakit Kritikal: 10% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas atau Nilai Tunai pelan asas, yang mana lebih tinggi.
- Sekiranya Manfaat Penyakit Kritikal telah dibayar untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, Manfaat Belas Kasihan akan diselaraskan berdasarkan Jumlah Diinsuranskan Asas yang dikurangkan.

Perkhidmatan Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM) (terpakai jika jumlah diinsuranskan asas ialah RM100,000 dan ke atas)

- Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM) ialah perkhidmatan nilai tambah yang ditadbir oleh pembekal perkhidmatan kami. Ia menawarkan maklumat yang komprehensif, perundingan perubatan jarak jauh tambahan dan pendapat tambahan daripada Pakar Perubatan dan Doktor Pakar, bimbingan, bantuan dalam mencapai diagnosis dan sokongan tepat dalam proses menentukan rawatan perubatan yang terbaik, dan menyelaraskan rawatan perubatan yang berkualiti oleh pakar perubatan terkemuka dari pusat perubatan yang terkemuka. Manfaat PMCM tidak akan menetapkan apa-apa rawatan tetapi akan membantu Insured untuk mencapai diagnosis yang betul dan pelan rawatan yang paling sesuai.
- Insured adalah layak untuk perkhidmatan pengurusan kes perubatan peribadi tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (i) Diagnosis atau keadaan Insured itu disenaraikan di bawah keadaan perubatan yang dilindungi; dan
 - (ii) Insured telah menjalani proses perundingan terdahulu sekurang-kurangnya dengan seorang Pakar yang berkaitan dengan keadaan perubatan yang dilindungi tersebut; dan
 - (iii) Diagnosis atau keadaan Insured tidak berada di bawah senarai pengecualian PMCM.
- Senarai keadaan perubatan yang dilindungi di bawah PMCM adalah seperti berikut:

1. Masalah perubatan tanpa diagnosis. Peserta perlu telah mempunyai perundingan dan pertanyaan perubatan sebelum ini dengan sekurang-kurangnya seorang pakar dalam bidang yang berkaitan dengan masalah perubatan tersebut;	16. Rheumatologi / penyakit imunologi;
2. Kanser	17. Penyakit berjangkit, termasuk HIV/AIDS;
3. Penyakit neurologi;	18. Pembedahan untuk ,asalah berdengkur yang teruk dan apnea tidur;
4. Penyakit telinga, hidung dan tekak (ENT);	19. Pembedahan Kosmetik / Estetik yang diperlukan dari segi perubatan;
5. Penyakit mata / masalah oftalmologi;	20. Penyakit atau prosedur berkaitan kesuburan;
6. Penyakit Kardiovaskular;	21. Penyakit obstetric;
7. Penyakit pernafasan;	22. Penyakit seksual / penyakit kelamin;
8. Penyakit gastroenterology;	23. Penyakit Pediatrik;
9. Penyakit hati;	24. Obesiti;
10. Penyakit buah pinggang;	25. Fasa pemulihan untuk strok;
11. Masalah urologi;	26. Fasa pemulihan untuk luka yang teruk akibat kebakaran;
12. Penyakit endokrin;	27. Masalah perubatan dalam bidang pergigian;
13. Penyakit ortopedik;	28. Patologi gabungan; dan
14. Penyakit hematologi;	29. Semua keadaan perubatan selain daripada yang disenaraikan dalam Pengecualian
15. Penyakit metabolic;	

- Tempoh menunggu selama tiga puluh (30) hari adalah terpakai bermula dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian. Semasa tempoh menunggu ini, Insured tidak layak untuk manfaat yang dinyatakan di atas.
- Sila ambil perhatian bahawa sekiranya Anda memilih untuk meneruskan pelan perubatan yang dicadangkan oleh pembekal perkhidmatan kami, kos perubatan tersebut mungkin tidak dilindungi dibawah polisi atau kad perubatan Anda dengan AIA Bhd. Anda dinasihatkan supaya memastikan manfaat yang dilindungi di bawah polisi Anda dengan AIA Bhd. sebelum membuat rawatan yang dicadangkan.
- AIA Bhd. tidak terlibat dalam sebarang cadangan yang diberikan oleh pembekal perkhidmatan kerana tujuan adalah untuk pembekal perkhidmatan memberikan nasihat perubatan yang bebas.
- Perlindungan bagi PMCM adalah sehingga satu (1) tahun setelah 100% daripada Manfaat Penyakit Kritikal dibayar.
- Perlindungan bagi PMCM akan ditamatkan apabila Jumlah Diinsuranskan Asas dikurangkan menjadi kurang dari seratus ribu Ringgit Malaysia (RM100,000), kecuali apabila Jumlah Diinsuranskan Asas dikurangkan kerana tuntutan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari.
- AIA Bhd. berhak untuk menarik balik perkhidmatan PMCM pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari terlebih dahulu kepada pemilik polisi.
- Perkhidmatan yang diterangkan di bawah perkhidmatan PMCM tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi Anda untuk senarai penuh manfaat, pengecualian, terma dan syarat.

Manfaat Gabungan AIA Vitality (terpakai jika Insured ialah ahli AIA Vitality)

AIA Vitality adalah sebuah program yang ditawarkan oleh AIA Health Services Sdn. Bhd. (Company No 199601016211 (388561-T)) yang memberi sokongan dan ganjaran kepada ahlinya untuk membuat pilihan yang lebih sihat setiap hari.

- Manfaat Pemeriksaan Kesihatan**
 - (i) Ahli AIA Vitality akan layak mendapat Manfaat Pemeriksaan Kesihatan setiap dua (2) tahun bergantung pada Status Vitality AIA Pihak Diinsuranskan yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.
 - (ii) Manfaat Pemeriksaan Kesihatan boleh didapati selepas ulang tahun polisi pertama dan Had Manfaat Pemeriksaan Kesihatan Dwitahunan akan berulang setiap dua puluh empat (24) bulan berikutnya berdasarkan status AIA Vitality Insured pada empat puluh (45) sebelum ulang tahun polisi masing-masing.
 - (iii) Bagi Insured yang menyertai sebagai ahli AIA Vitality selepas ulang tahun polisi pertama, had dwitahunan akan diproratakan berdasarkan baki hari yang tinggal untuk tempoh dwitahunan.
 - (iv) Hanya satu tuntutan untuk Manfaat Pemeriksaan Kesihatan yang akan dibayar balik sehingga Had Manfaat Pemeriksaan Kesihatan Dwitahunan yang dinyatakan dalam jadual status AIA Vitality berikut:

Status AIA Vitality	Platinum	Emas	Perak	Gangsa
Had Manfaat Pemeriksaan Kesihatan Dwitahunan	RM600	RM500	RM300	RM300

- (v) Manfaat Pemeriksaan Kesihatan hanya akan dibayar selepas ditolak sebarang keberhutangan di bawah polisi.
- (vi) Manfaat Pemeriksaan Kesihatan akan berhenti lebih awal apabila berlaku mana-mana kejadian yang berikut:
 - a) Kematian Insured;

- b) Insured berhenti menjadi ahli AIA Vitality;
 - c) Polisi menjadi tamat, tamat tempoh, luput atau diserahkan;
 - d) 100% daripada Manfaat Penyakit Kritikal telah dibayar; atau
 - e) Apabila Jumlah Diinsuranskan Asas dikurangkan menjadi kurang dari seratus ribu Ringgit Malaysia (RM100,000), kecuali apabila Jumlah Diinsuranskan dikurangkan kerana tuntutan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari.
- (vii) Insured hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pemeriksaan kesihatan, memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. dengan menyatakan butir-butir penuh acara tersebut termasuk semua bil dan resit asal.

• **Bonus Tunai Tahunan**

Berdasarkan Status AIA Vitality Insured (45 hari sebelum setiap ulang tahun polisi), kami akan membayar kepada pemilik polisi Bonus Tunai Tahunan Vitality pada ulang tahun polisi. Bonus Tunai Tahunan Vitality ditentukan berdasarkan Peratusan Bonus Tunai Tahunan Vitality (%) dan jumlah premium yang dibayar untuk pelan asas dalam satu tahun polisi, termasuk premium tambahan yang dikenakan disebabkan oleh Penarafan Perubatan standard yang lebih tinggi (jika ada).

Sila lihat di bawah untuk Peratusan Bonus Tunai Tahunan Vitality (%) mengikut Status AIA Vitality:

Status AIA Vitality Insured	Platinum	Emas	Perak	Gangsa
Peratusan (%) Bonus Tunai Tahunan Vitality	20%	10%	0%	0%

Nota-nota:

- Bonus Tunai Tahunan Vitality hanya akan dibayar untuk hari di mana keahlian AIA Vitality Insured adalah aktif. Jika terdapat hari-hari di mana keahlian AIA Vitality Insured adalah tidak aktif, Bonus Tunai Tahunan Vitality untuk Tahun Polisi itu akan dipro-ratakan dengan sewajarnya.
- Tiada Bonus Tunai Tahunan Vitality akan dibayar jika keahlian AIA Vitality Insured ditamatkan sebelum pembayaran Bonus Tunai Tahunan Vitality.
- Bonus Tunai Tahunan Vitality hanya akan dibayar selepas ditolak sebarang keberhutangan di bawah polisi.
- Bonus Tunai Tahunan Vitality untuk Tahun Polisi akan terhenti apabila berlaku mana-mana peristiwa berikut:
 - (i) Kematian Insured; atau
 - (ii) Insured berhenti menjadi ahli AIA Vitality; atau
 - (iii) Polisi menjadi tamat, matang, luput atau diserahkan; atau
 - (iv) Premium bagi pelan asas dan ridernya (jika ada) terhenti untuk dibayar, yang mana berlaku lebih awal.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



AIA Bhd.

200701032867 (790895-D)

Tarikh: dd/mm/yyyy

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Product (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah A-Plus DisabilityCare (Purchasable)?

A-Plus DisabilityCare (Purchasable) menawarkan perlindungan insurans sehingga Insured mencapai umur 70 tahun. Ia membayar manfaat jika anda mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)' semasa tempoh A-Plus DisabilityCare (Purchasable).

Nota: Sila rujuk kepada Penerangan Rider dalam Lampiran untuk butiran lanjut.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM395.00** tahunan, anda akan menerima **manfaat-manfaat** insurans hayat berikut:

Manfaat Kematiaan	Tidak berkenaan
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)	RM500,000 ("Jumlah Diinsuranskan A-Plus DisabilityCare (APDC)")

A-Plus DisabilityCare (Purchasable) **tidak termasuk:**

- **Keadaan sedia ada** - termasuk apa-apa hilang upaya akibat daripada keadaan fizikal atau mental dan keadaan sedia ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian.
- Pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siuman ataupun tidak siuman;
- Perkhidmatan dalam sebarang angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa menjalani perintah untuk operasi yang menyerupai peperangan atau pemulihan ketenteraman awam;
- Aktiviti yang berkaitan dengan mana-mana peranti udara atau pengangkutan kecuali sebagai penumpang atau anak kapal yang membayar tambang pada syarikat penerbangan komersial dalam perjalanan penumpang berjadual biasa melalui laluan penumpang yang ditetapkan; Atau
- Sebarang kecacatan kongenital yang telah nyata atau didiagnosis sebelum umur 17 tahun.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di:

1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:

<https://www.aia.com.my/bm/help-support/contact-us.html>



E-mel kami di:

my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium	RM395.00 tahunan Jumlah premium yang perlu anda bayar dan terma polisi mungkin berbeza-beza bergantung pada keperluan pengunderaitan AIA Bhd.
---------	---

Tempoh: Sehingga insured umur **70** tahun atau tamat tempoh A-Plus Life Cover, yang mana lebih awal.

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

Komisen	4.28% daripada premium atau RM675.45
---------	--

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan / ditamatkan.
- Semua perlindungan / manfaat-manfaat mungkin berbeza bergantung pada keputusan akhir penilaian pengunderaitan AIA Bhd. mengenai umur, pekerjaan dan/atau keadaan perubatan pada masa permohonan.
- Premium bagi A-Plus DisabilityCare (Purchasable) adalah terjamin, selagi tiada perubahan dibuat terhadap A-Plus DisabilityCare (Purchasable).
- Tempoh Ihsan - Anda diberi tempoh ihsan 31 hari dari tarikh akhir pembayaran bagi setiap premium berikutnya. Jika premium kekal tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan, polisi anda mungkin luput melainkan polisi anda telah memperoleh nilai tunai.
- Cukai Kerajaan Yang Berkenaan - Premium yang dibayar oleh organisasi adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.
- Lien Juvenil - Sekiranya berlaku kematian, TPD atau penyakit kritikal (yang mana berkenaan) sebelum Insured mencapai umur 4 tahun, pengurangan jumlah diinsuranskan perlu dibayar seperti berikut:

Nota: Senarai **tidak menyeluruh** ini. Sila rujuk kepada polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.



Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda yang disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang caj perubatan yang dikenakan) untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda memilih untuk menerima salinan kontrak polisi anda, notis tersebut mesti dibuat dalam masa 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- **Setelah Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan rider ini dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Nilai serahan rider (jika berkenaan) akan dibayar kepada anda selepas pembatalan.



LAMPIRAN

PENERANGAN RIDER / RIDER-RIDER:

A-Plus DisabilityCare (APDC) (Purchasable) (P)

- APDC memberi perlindungan bagi insured sekiranya berlaku Hilang Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal (TPD).
- Perlindungan bagi APDC adalah sehingga umur Insured 70 tahun atau tamat tempoh APLC, yang mana lebih awal.
- Manfaat APDC ini dikeluarkan bagi insured umur 60 tahun dan ke bawah. Jumlah Diinsuranskan APDC mungkin berbeza bergantung kepada keputusan akhir penilaian pengunderaitan AIA Bhd. terhadap umur, pekerjaan dan/atau keadaan perubatan.
- Sekiranya berlaku TPD (berlaku dari umur 16 tahun sehingga umur 70 tahun), di mana hilang upaya menepati 'Pekerjaan yang Bersesuaian' seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi, 10% daripada Jumlah Diinsuranskan APDC akan dibayar dalam Ulang Tahun Polisi yang pertama dan kedua sejurus selepas tarikh permulaan TPD, diikuti dengan baki 80% daripada Jumlah Diinsuranskan APDC dalam Ulang Tahun Polisi ketiga sejurus selepas tarikh permulaan TPD.
- Sekiranya berlaku TPD (berlaku pada umur 70 tahun dan ke bawah), di mana hilang upaya menepati definisi 'Kehilangan Upaya Presumptif' atau 'Sebarang Pekerjaan' seperti yang dinyatakan dalam kontrak polisi, bayaran sekaligus daripada Jumlah Diinsuranskan APDC akan dibayar.
- Jumlah Asas Diinsuranskan APLC akan dikurangkan oleh pembayaran pendahuluan yang dibayar di bawah APDC.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Product (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans hayat anda.



AIA Bhd.

200701032867 (790895-D)

Tarikh: dd/mm/yyyy

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah A-Plus Life Cover?

A-Plus Life Cover menawarkan perlindungan insurans sehingga Insured mencapai umur 70 tahun. Ia membayar manfaat kematian sekaligus jika anda meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)¹ semasa tempoh polisi.

¹Perlindungan TPD adalah sehingga umur 70 tahun (jika manfaat tersebut diberikan) atau tamat tempoh APLC, yang mana lebih awal.

Nota: Sila rujuk kepada Penerangan Pelan Asas dalam Lampiran untuk butiran lanjut.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM2,185.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan / manfaat-manfaat** insurans hayat berikut:

Manfaat Kematiaan	RM500,000
Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)	Tidak Berkenaan

A-Plus Life Cover **tidak termasuk:**

- Bunuh Diri** - Jika kematian akibat bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian, kami akan memulangkan premium yang dibayar berdasarkan tarikh kematian tanpa faedah dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian. Selepas itu, polisi ini akan ditamatkan.
- Keadaan sedia ada** - termasuk apa-apa hilang upaya akibat daripada keadaan fizikal atau mental dan keadaan sedia ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:
<https://www.aia.com.my/bm/help-support/contact-us.html>



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium	RM2,185.00 tahunan Jumlah premium yang perlu anda bayar dan terma polisi mungkin berbeza-beza bergantung pada keperluan pengunderaitan AIA Bhd.
---------	---

Tempoh: Sehingga insured mencapai umur **70** tahun

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

Komisen	4.28% daripada premium atau RM3,736.35
---------	--

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan / ditamatkan.
- Semua perlindungan / manfaat-manfaat mungkin berbeza bergantung pada keputusan akhir penilaian pengunderaitan AIA Bhd. mengenai umur, pekerjaan dan/atau keadaan perubatan pada masa permohonan.
- Premium bagi A-Plus Life Cover adalah terjamin, selagi tiada perubahan dibuat terhadap A-Plus Life Cover.
- Tempoh Ihsan - Anda diberi tempoh ihsan 31 hari dari tarikh akhir pembayaran bagi setiap premium berikutnya. Jika premium kekal tidak dibayar pada akhir tempoh ihsan, polisi anda mungkin luput apabila Nilai Akaun anda tidak mencukupi untuk membayar nilai tunai.
- Cukai Kerajaan Yang Berkenaan - Premium yang dibayar oleh organisasi adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.
- Lien Juvenil - Sekiranya berlaku kematian, TPD atau penyakit kritikal (yang mana berkenaan) sebelum Insured mencapai umur 4 tahun, pengurangan jumlah diinsuranskan perlu dibayar seperti berikut:

Nota: Senarai **tidak menyeluruh** ini. Sila rujuk kepada polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.



Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- **Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberi AIA Bhd. notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Notis tersebut mesti diterima secara langsung oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda yang disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang caj perubatan yang dikenakan) untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda memilih untuk menerima salinan kontrak polisi anda, notis tersebut mesti dibuat dalam masa 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- **Setelah Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan rider ini dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Nilai serahan rider (jika berkenaan) akan dibayar kepada anda selepas pembatalan.



LAMPIRAN

PENERANGAN RIDER / RIDER-RIDER:

A-Plus Life Cover (APLC)

- APLC ialah rider pembayar premium pilihan yang menyediakan perlindungan untuk kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (jika faedah tersebut diberikan) sehingga umur insured 70 tahun.
- Sekiranya berlaku kematian, 100% daripada Jumlah Diinsuranskan APLC hendaklah dibayar.
- Jumlah Diinsuranskan Pelan Asas tidak boleh dikurangkan dengan sebarang pembayaran yang dibuat di bawah APLC.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



AIA Bhd.

200701032867 (790895-D)

Tarikh: dd/mm/yyyy

Pelanggan Yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberi maklumat penting tentang insurans berkaitan perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; anda juga harus membacanya.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/product yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah A-Plus Recover?

A-Plus Recover ialah Rider Pembayaran Premium yang menyediakan Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan sehingga umur Insured 70 tahun.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM562.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan berikut:	
Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan	RM100,000 ("Jumlah Diinsuranskan Rider")
	Jumlah Diinsuranskan Rider akan dibayar sekaligus sekiranya Insured:
	(a) kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) di hospital disebabkan oleh sebarang hilang upaya untuk tempoh sekurang-kurangnya 5 hari berturut-turut; atau (b) kemasukan ke hospital dengan tujuan untuk menerima rawatan perubatan untuk tempoh sekurang-kurangnya 15 hari berturut-turut, di mana hospitalisasi harus berserta dengan pembedahan atau akibat jangkitan. Maksimum 2 tuntutan dibenarkan dibuat untuk manfaat ini.

- Rider anda **tidak termasuk** :
- Sebarang kemasukan ke hospital disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian berikut:
- Penyakit Sedia Ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
 - Kemasukan ke hospital disebabkan oleh sebab-sebab bukan kemalangan berlaku dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
 - Rawatan atau Pembedahan untuk Penyakit Tertentu sehingga Insured telah diinsuranskan secara berterusan di bawah Kontrak Tambahan Hospitalisasi berkaitan untuk tempoh seratus dua puluh (120) hari sebaik sahaja sebelum rawatan atau Pembedahan tersebut;
 - Sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud pada masa kelahiran, serta keabnormalan fizikal neonatal yang wujud dalam tempoh enam (6) bulan dari masa kelahiran;
 - Sebarang Hilang Upaya yang diakibatkan oleh kemusnahan diri, kecederaan diri yang disengajakan, pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau sebarang cubaan memusnahkan diri dalam keadaan siuman atau tidak siuman;
 - Berkhidmat dalam angkatan bersenjata semasa peperangan yang diisytiharkan ataupun tidak diisytiharkan atau semasa di bawah perintah untuk operasi ketenteraan atau pemulihan ketenteraman awam;
 - Sebarang pelanggaran atau cubaan untuk melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan;
 - Kehamilan, kelahiran anak, keguguran, pengguguran atau penamatan kehamilan, atau sebarang bentuk penginapan yang berkaitan di hospital atau rawatan;
 - Kemandulan, kesuburan, konsepsi bantuan, disfungsi erektal, mati pucuk atau sebarang rawatan kontraseptif;
 - Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), kompleks yang berkaitan dengan AIDS atau jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami mungkin memerlukan Insured untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebelum kami boleh meluluskan sebarang tuntutan;
 - Rawatan penyakit menular seksual;
 - Penyakit mental atau penyakit saraf, rawatan ketagihan arak, atau penyalahgunaan dadah atau sebarang komplikasi lain yang timbul daripadanya atau sebarang pengambilan dadah secara tidak sengaja yang tidak dipreskripsikan oleh Doktor yang merawat;
 - Pembedahan elektif/plastik/kosmetik (kecuali Pembedahan Elektif atau Plastik atau Kosmetik disebabkan oleh Kemalangan atau Kanser), khatan (kecuali khatan akibat jangkitan), pemeriksaan mata / pembedahan elektif untuk kecacatan penglihatan akibat keterlihatan, penglihatan atau astigmatisme atau radang keratotomy;
 - Sebarang bentuk rawatan atau Pembedahan pergigian termasuk penggantian gigi asal, penggantian gigi palsu dan perkhidmatan prostetik seperti titian gigi ("bridges") dan korona ("crowns") atau penggantinya, melainkan jika keperluan Kecederaan;
 - Hospitalisasi terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, vitamin/makanan tambahan dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan;
 - Sebarang rawatan atau siasatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan, atau penyembuhan, penjagaan atau rehat pulih;
 - Sebarang kemasukan untuk tujuan pemerhatian dan tidak memerlukan sebarang rawatan;
 - Eksperimen atau perintah teknik perubatan atau pembedahan dan peranti perubatan tidak diluluskan dan ujian perubatan untuk produk perubatan sama ada kajian ini mempunyai sijil percubaan klinikal atau tidak;
 - Rawatan alternatif atau komplementari, termasuk perubatan tradisional Cina (TCM) atau tinggal di sebarang penubuhan penjagaan kesihatan atas sebab-sebab sosial atau bukan perubatan;
 - Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam tempoh enam puluh (60) hari pertama dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula Kontrak Tambahan A-Plus Recover, yang mana kemudian, kecuali Kecederaan Dilindungi;
 - Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear;
 - Rawatan Perubatan di luar negara (kecuali Singapura dan Brunei);
 - Insured tidak hidup untuk sekurang-kurangnya lima belas (15) hari selepas keluar dari Hospital.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan pertolongan mengenai insurans perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-1899 (Care Line)
03-2056 1111 (Tel.)



Lawat kami di:
<https://www.aia.com.my/bm/help-support/contact-us.html>



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider anda, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium	RM562.00 tahunan
---------	------------------

Tempoh: Sehingga umur 70 tahun.

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

Komisen	4.28% daripada jumlah premium perlu bayar atau RM961.02
---------	---

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau polisi anda dibatalkan.
- Jumlah premium yang anda perlu bayar dan terma polisi mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan AIA Bhd.
- Pertukaran pelan – Mungkin tidak berfaedah untuk beralih dari satu pelan insurans ke yang lain, kerana anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baru dan tempoh menunggu untuk polisi baru.
- Tuntutan – Sila rujuk kepada web AIA Bhd. untuk memahami lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.
- Premium rider ini tidak dijamin. AIA Bhd. berhak untuk menyemak semula premium dengan memberi anda notis bertulis tiga puluh (30) hari sebelum Ulang Tahun Polisi seterusnya.
- Tempoh Perlindungan:** Sehingga umur Insured 70 tahun.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mesti rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai terma-terma dan syarat-syarat yang sepenuhnya.

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd.

- Tempoh Percubaan:** Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Notis tersebut mesti diterima terus oleh AIA Bhd. dalam tempoh 15 hari selepas kontrak e-polisi anda disediakan di portal pelanggan AIA. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang yuran perubatan yang ditanggung) untuk rider ini akan dikembalikan kepada anda. Jika dalam permohonan anda, anda telah memilih untuk menerima salinan cetak kontrak polisi anda, notis tersebut mesti diberikan dalam tempoh 15 hari selepas anda menerima kontrak polisi anda.
- Selepas Tempoh Percubaan:** Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA Bhd. Selepas pembatalan, anda mungkin layak mendapat bayaran balik sebahagian premium anda, dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah rider. Sila rujuk kepada Lampiran untuk butiran mengenai jumlah bayaran balik.



LAMPIRAN

PENERANGAN RIDER:

A-Plus Recover (APR)

- APR ialah Rider Pembayaran Premium yang menyediakan Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan sehingga umur Insured 70 tahun.

Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan

- 100% daripada Jumlah Diinsuranskan APR akan dibayar sekali gus sekiranya Insured memenuhi syarat berikut:
 - Kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) di hospital disebabkan oleh sebarang hilang upaya untuk tempoh sekurang-kurangnya 5 hari berturut-turut; atau
 - Kemasukan ke Hospital dengan tujuan untuk menerima rawatan perubatan untuk tempoh sekurang-kurangnya 15 hari berturut-turut, di mana hospitalisasi harus berserta dengan pembedahan atau akibat jangkitan.
- Untuk layak mendapat Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan, hospitalisasi dan tempoh penginapan sedemikian harus dianggap Perlu Dari Segi Perubatan oleh doktor yang merawat.
- Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan ini membolehkan tuntutan sehingga maksimum 200% dari Jumlah Diinsuranskan APR. Rider ini akan tamat setelah 200% dari Jumlah Diinsuranskan APR telah dibayar.
- Setelah tuntutan Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan telah dibayar Jumlah Diinsuranskan bagi APR akan disetkan semula selepas (1) tahun dari tarikh discaj di hospital dimana Jumlah Diinsuranskan bagi APR dibayar.
- Jika kemasukan hospital oleh Insured untuk sebarang hilang upaya memenuhi kedua-dua syarat (i) dan (ii) seperti yang dinyatakan di atas, hanya satu (1) tuntutan akan dibayar.
- Manfaat-manfaat yang dinyatakan Manfaat Hospitalisasi Berpanjangan adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat.

Pembatalan:

Anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan AIA Bhd. notis bertulis. Selepas pembatalan, anda mungkin layak untuk mendapatkan pulangan sebahagian daripada premium anda, dengan syarat tiada tuntutan dibuat ke atas rider.

Tempoh dari ulang tahun polisi, tidak melebihi	Mod Pembayaran Premium			
	Tahunan	Setengah Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan
15 hari*	90%	80%	70%	Tiada pengembalian
1 bulan	80%	70%	50%	
2 bulan	70%	50%	20%	
3 bulan	60%	30%	Tiada pengembalian	
4 bulan	50%	20%	50%	
5 bulan	40%	10%	20%	
6 bulan	30%	Tiada pengembalian	Tiada pengembalian	
7 bulan	25%	70%	50%	
8 bulan	20%	50%	20%	
9 bulan	15%	30%	Tiada pengembalian	
10 bulan	10%	20%	50%	
11 bulan	5%	10%	20%	
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pengembalian	Tiada pengembalian	Tiada pengembalian	

(Nota: *tidak terpakai untuk tahun polisi pertama)